

NO. SOALAN:46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan input, output, outcome dan impak penubuhan EKUINAS dan TERAJU pada masa ini serta unjuran yang sama pada tahun 2015 dan 2020.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak penubuhan pada tahun 2009, EKUINAS telah membuat 19 pelaburan secara langsung meliputi sektor Makanan & Minuman (F&B), Pendidikan dan Minyak & Gas (O&G). Di samping itu, EKUINAS telah melabur dalam sebelas (11) buah syarikat melalui program penyumberan luarnya. Secara keseluruhannya, kini pelaburan komited EKUINAS telah melebihi RM2.3 bilion, membantu kemasukan modal ekonomi ke dalam negara sebanyak RM2.8 bilion.

Untuk tahun kewangan 2013, dana EKUINAS Direct (Tranche I) Fund telah mencatat Pulangan Kasar Portfolio sebanyak RM655.9 juta pada kadar pulangan dalaman kasar (*gross IRR*) sebanyak 25.5%. Bagi objektif sosialnya pula, EKUINAS telah menyumbang kepada usaha menambah nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM2.8 bilion, iaitu 1.7 kali ganda modal pelaburan yang telah dilaksanakan berjumlah RM1.8 bilion.

EKUINAS juga telah membangunkan lebih 80 orang usahawan dan pengurus profesional di syarikat portfolionya dalam usaha meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam bidang perniagaan yang mempunyai pertumbuhan tinggi. EKUINAS turut berjaya menyediakan pekerjaan kepada lebih 9,500 orang kakitangan, di mana separuh daripada jumlah ini adalah Bumiputera. Jumlah pengurus profesional dan kakitangan kedua-duanya menunjukkan peningkatan kakitangan Bumiputera masing-masing sebanyak 12.3% dan 17.1% semenjak pelaburan EKUINAS. Jumlah ini menyokong

prinsip asas EKUINAS bahawa segala objektif sosial hanya dapat dicapai melalui pertumbuhan dan daya maju komersial serta menunjukkan EKUINAS berada pada landasan yang betul dalam memenuhi objektif sosial yang ditetapkan oleh Kerajaan.

EKUINAS berharap dapat terus melabur di dalam syarikat-syarikat yang mempunyai potensi tinggi untuk mencapai sasaran pulangan jangka panjang antara minimum 12% dan aspirasi 20% serta meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak dua (2) kali ganda modal yang dilabur menjelang 2020. Melalui disiplin dan nilai kewangan yang tinggi, agenda sosial EKUINAS akan dapat dicapai secara mapan. EKUINAS berharap akan dapat mencapai matlamat utamanya dalam menggalakkan penyertaan dan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama dan berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak ditubuhkan pada 2011, TERAJU, melalui pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan telah berjaya meningkatkan kedudukan ekonomi Bumiputera melalui pelaksanaan program-program memperkasakan ekonomi Bumiputera. Tumpuan diberikan kepada lima fokus teras pemerkasaan ekonomi Bumiputera yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Lebih daripada RM36 bilion dalam bentuk peluang perniagaan, pembiayaan dan pembangunan modal insan disediakan oleh TERAJU diantaranya termasuk:

- i. Dana Mudahcara sebanyak RM2 bilion hasil kerjasama dengan UKAS yang memberi manfaat setakat ini kepada 167 projek yang dilaksanakan oleh 152 syarikat dengan jumlah pelaburan

- sebanyak RM6.22 bilion. Bagi tempoh 2015 sehingga 2020, TERAJU menganggarkan jumlah pelaburan yang diunjurkan di bawah Dana Mudahcara adalah sebanyak RM8.67 bilion dengan unjuran keseluruhan pelaburan dianggarkan sebanyak RM14.9 bilion;
- ii. Inisiatif peruntukan khas *carve-out and compete*, dengan izin, dalam sektor pembinaan telah menyediakan peluang sebanyak RM13.3 bilion kepada syarikat-syarikat Bumiputera melalui lima projek mega;
 - iii. Sebanyak RM1.64 bilion kemudahan pinjaman bank telah disediakan kepada syarikat-syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS). Sehingga Ogos 2014, sebanyak 218 jumlah permohonan telah diluluskan berjumlah RM707.96 juta. Kemudahan pinjaman bank ini akan memberi manfaat kepada 512 syarikat Bumiputera. Di samping itu, sebanyak RM1.05 bilion pinjaman bank akan disediakan sebagai tambahan kepada jumlah dana yang sedia ada bagi tempoh 2015 hingga 2020. Ini akan memberi manfaat kepada 327 syarikat Bumiputera yang lain. Selain itu, Halal Development Fund hasil kerjasama dengan SME Bank dan Agro Bank menyediakan kemudahan pinjaman sebanyak RM580 juta. Ini akan memberi manfaat kepada 182 syarikat Bumiputera. Unjuran bagi keseluruhan pelaburan bagi tahun 2015 hingga 2020 adalah sebanyak RM4.67 bilion yang akan memberi manfaat kepada 1021 syarikat Bumiputera secara keseluruhan;
 - iv. Bagi program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB), sebanyak 8 buah syarikat Bumiputera telah berjaya disenaraikan di Bursa

Malaysia dengan jumlah modal pasaran (*market capitalization*) dengan izin, sebanyak RM5.1 bilion;

- v. Di bawah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB), sebanyak RM373 juta telah diperuntukkan setakat ini bagi mengukuhkan pembinaan keupayaan Bumiputera dan meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam pekerjaan berpendapatan tinggi;
- vi. Beberapa program baru turut diperkenalkan bagi membantu usahawan Bumiputera seperti Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) membuka peluang kepada peserta yang mempunyai idea cadangan model perniagaan yang inovatif, untuk mendapatkan geran bernilai sehingga RM500 ribu dengan kerjasama pelbagai agensi serta program-program di bawah INSKEN.

Sekian. Terima kasih.